



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

MAJLIS PERASMIAN SIMPOSIUM INOVASI NRE 2017

20 FEBRUARI 2017

YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Simposium Inovasi NRE 2017 di Auditorium Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong hari ini.

Dalam majlis tersebut, YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar telah melancarkan tujuh produk herba hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk tujuan pengkomersilan.

Produk-produk yang dilancarkan dibuat daripada tongkat ali (*Eurycoma longifolia*); kacip fatimah (*Labisia pumila*); asam gelugor (*Garcinia atroviridis*); hempedu bumi (*Andrographis paniculata*); misai kucing (*Orthosiphon aristatus*); cucur atap (*Baekkea frutescens*); serta roselle (*Hibiscus sabdariffa*).

Di majlis tersebut, YB Menteri turut menyaksikan pemeteraian tiga memorandum persefahaman antara FRIM dan rakan kolaborasi yang akan memacu FRIM ke arah komersialisasi output penyelidikannya. Antaranya ialah Memorandum Persefahaman (MoU) Mengenai Lanjutan Kerjasama dalam Penyelidikan, Pembangunan dan Komersialisasi Produk Roselle (*Hibiscus Sabdariffa*) antara FRIM dan

Buminiche Trading Sdn. Bhd, Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Penyelidikan Dalam Bidang Pembangunan Produk Buluh Untuk Pembinaan antara FRIM dan Kanger International Berhad dan Memorandum Persefahaman antara FRIM dan Transwater Tenaga Sdn. Bhd. mengenai Kerjasama dalam Penyelidikan dan Pembangunan Gaharu untuk meningkatkan kecekapan proses distilasi serta kualiti minyak gaharu.

Dalam ucapannya, YB Menteri telah menyatakan bahawa simposium tersebut merupakan cetusan idea yang bertujuan mengetengahkan aktiviti-aktiviti inovasi setiap agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dalam satu arena serta merangka hala tuju yang perlu diambil bagi memperkasakan aktiviti inovasi agensi-agensi tersebut di masa hadapan. Simposium yang bertemakan 'Merakyatkan Inovasi NRE' ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai salah satu agenda negara khususnya dalam mentransformasikan sektor awam.

Beliau juga telah menyatakan YB Menteri juga berkata YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2016, telah mengisytiharkan tahun 2016 sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia dengan sasaran utamanya adalah bagi melonjakkan hasil penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R,D&I) daripada institusi penyelidikan tempatan sebagai penjana kekayaan melalui pengkomersialan.

“Bagi menyokong aktiviti R,D&I, Kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis dana untuk setiap fasa pelaksanaan R&D dan pengkomersialan. Sebagai tambahan kepada sokongan dana, Kerajaan juga menyediakan pelbagai kemudahan fizikal dan khidmat nasihat seperti; pusat inkubasi, infrastruktur R&D dan pengkomersialan, bantuan pemasaran serta audit teknologi yang disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan,” kata beliau.

Jabatan-jabatan dibawah NRE yang terlibat secara langsung dengan Petunjuk Prestasi Utama bagi program Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016 adalah FRIM dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM). Teknologi atau produk yang dijadikan sebagai KPI oleh FRIM dan NAHRIM ialah bahan pencuci

penghapus kuman daripada tumbuhan (*Eco-labeled disinfectant product*), produk makanan berasaskan kesihatan, produk Spa dari herba, rawatan pengeringan kayu bebas kimia atau *High Temperature Drying System*, produk berasaskan gaharu NAHRIM *Invisible Levee System*—NAILS, NAHRIM *Hydraulic Marker* (NhM) NAHRIM *Integrated Drainage System*(NIDS), NUCleuS dan NRE *rain drops*.

Turut hadir di majlisi berkenaan ialah YBhg. Dato' Sri Azizan Ahmad, Ketua Setiausaha NRE, YBhg. Dato' Dr Nadzri Yahaya, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Sumber Asli), YBhg. Dato' Sr Dr Azimuddin Bahari, Timbalan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar), YBhg. Dato' Dr Abd Latif Mohmod, Ketua Pengarah (KP) FRIM serta ketua-ketua jabatan dibawah NRE.